



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

GARDENTOPIA PERKASA PERTANIAN KEBUNITI DAN AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 25 Mei 2026 – Jabatan Pertanian melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara menerusi pembangunan Pusat Informasi Pertanian Kebuniti atau dikenali sebagai Gardentopia, sebuah model kebun komuniti berkonsepkan *rooftop garden* yang dibangunkan di Wisma Tani, Putrajaya.

Gardentopia yang terletak di Rooftop Podium 1, Aras 5, Blok 4G2, Wisma Tani berfungsi sebagai pusat rujukan, informasi dan hab latihan teknikal pertanian kebun edibel (edible garden), khususnya dalam mengoptimumkan aktiviti pertanian di kawasan ruang terhad. Kemudahan ini menyediakan platform pembelajaran interaktif serta latihan amali (hands-on) kepada golongan sasaran dan masyarakat awam yang berminat mendalami ilmu pertanian bandar berkonsepkan kebun edibel dalam tempoh yang singkat.

Gardentopia telah dirasmikan oleh Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 25 Mei 2026 sebagai simbol komitmen kerajaan dalam memperluas agenda keterjaminan makanan negara melalui penglibatan komuniti dan kakitangan awam. Inisiatif ini selari dengan aspirasi KPKM dalam membudayakan pertanian domestik dan memperkasakan budaya bercucuk tanam oleh rakyat menerusi Kempen Kebun di Rumah Sendiri (KENDIRI) dengan slogan “Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam”.

Menurut Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, selain menggalakkan rakyat menghasilkan makanan sendiri secara lestari bagi menjimatkan kos sara hidup, pendekatan pertanian bandar dan kebuniti ini dilihat sebagai salah satu langkah strategik dalam mendepani pelbagai cabaran termasuklah krisis tenaga global, inflasi makanan, gangguan rantaian bekalan serta ketidaktentuan ekonomi dunia.

Pembangunan Gardentopia turut mencerminkan evolusi transformasi pertanian bandar negara yang telah melalui enam fasa penting. Ia bermula dengan Rancangan Buku Merah (1960), Rancangan Buku Hijau (1974), Program Bumi Hijau (2006), Program Pertanian Bandar (2014), Program Pembangunan Pertanian Komuniti (2021–2025) dan kini diteruskan melalui Program Pengukuhan dan Kemampanan Komuniti Pertanian (2026–2030) dengan peruntukan RM30 juta.

Ketua Pengarah Pertanian, Dato' Nor Sam binti Alwi berkata, sebagai pusat informasi pertanian kebuniti, Gardentopia dilengkapi dengan pelbagai teknologi dan komponen agroteknologi mesra ruang antaranya sistem fertigasi meja, sistem hidroponik mendatar dan vertikal, zon rak vertikal tanaman herba, kotak tanaman konvensional, sudut bahan kitar semula dan kotak kompos. “Antara tanaman yang diusahakan termasuk salad hijau, salad merah, kangkung, cili, serai, kunyit, pudina, kesum dan bayam Brazil. Selain itu, Gardentopia turut menyediakan sudut pameran teknologi pertanian ruang terhad seperti *Tower Vertical Hydroponic*, ruang teori dan latihan praktikal, serta konsep *Garden to Table* yang mengetengahkan penggunaan hasil segar terus dari kebun,” jelas beliau.

Jabatan Pertanian berharap pembangunan platform Gardentopia dapat menjadi model rujukan pertanian bandar yang mampu diperluaskan ke pelbagai komuniti, institusi dan kawasan perumahan sebagai usaha meningkatkan kesedaran serta penglibatan masyarakat dalam pengeluaran makanan sendiri secara mampan.

#####

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Pertanian
Tel : 03-8870 3102 / 3042 / 3038 / 3050 E-mel : pro@doa.gov.my Faks : 03-8888 3044

